Gambar Wakil/Ketua Cawangan Pemenang Anugerah Inovasi Jabatan Insolvensi Malaysia 2010 bersama Datuk Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia.

Laporan Pemenang Anugerah Pertandingan Inovasi Jabatan Insolvensi Malaysia 2010.

Pertandingan Inovasi 2010 Jabatan Insolvensi Malaysia telah dilancarkan pada Januari 2010 oleh Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia. Pertandingan Inovasi ini bertujuan bagi mengumpul idea-idea inovatif yang boleh memperkasakan proses kerja dan seterusnya menyumbang kepada transformasi MdI kepada sebuah organisasi yang inovatif sejajar dengan tema MdI bagi tahun 2010 iaitu Kecermelangan Operasi.

Sebanyak 51 Idea dan Produk Inovasi telah diterima dari warga MdI berkaitan Pertandingan ini yang telah ditutup pada penghujung tahun 2010. Mesyuarat saringan mengenai pemilihan

pemenang telah diadakan pada penghujung tahun 2010. Idea yang yang diterima merupakan idea yang hasilnya boleh dilihat oleh MdI bagi melihat keberkesanan idea tersebut kerana ada sesetengah idea terlalu *futuristic* tetapi di peringkat perlaksanaan ia tidak mampu dilaksanakan kerana kos yang tinggi dan tidak relevan dan sebagainya.

Mesyuarat pada Ogos 2011 bersetuju bagi memilih 4 idea/produk inovasi terbaik MdI bagi dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Inovasi Jabatan Insolvensi Malaysia 2010. Kemenangan 4 pemenang Anugerah Inovasi ini telah dipilih dan di hantar maklumatnya ke Buku Akar Umbi MOSTI.

Pengumuman mengenai 4 pemenang ini telah diumumkan di Hari Inovasi Jabatan Insolvensi Malaysai tahun 2010 yang telah disambut pada 19 Setember 2011 di Dewan Harmoni, Bangunan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri.

Hari Inovasi Jabatan Insolvensi Malaysai 2010 ini disambut dengan meriah dan dihadiri lebih 300 orang jemputan warga MdI Ibu Pejabat dan jemputan ke seluruh perkhidmatan awam Malaysia. Hari Inovasi ini, diisi dengan 4 pengisian utama yang mengandungi ucaptama Inovasi oleh Ketua Pengarah Insolvensi, Penyampaian Anugerah Inovasi 2010 kepada 4 pemenang Anugerah, Ceramah Inovasi oleh pakar Inovasi jemputan MdI dan Pameran *Showcase* lain-lain produk/idea Inovasi MdI kepada pengunjung pameran. Sijil Pemenang telah diberikan kepada wakil Ketua Cawangan di Laguna *Conference Room*, Aras 3, Paradise Sandy Beach Resort pada 18 Oktober 2011

bersempena dengan Mesyuarat Suku Tahun Ketiga 2011 Ketua-Ketua Cawangan seluruh Malaysia.

Sinopsis 4 pemenang Anugerah Inovasi Jabatan Insolvensi Malaysai 2010 ialah seperti berikut:

1. Standard of Proceedure (SOP) bagi tindakan penyitaan kenderaan penggulungan Syarikat (inovasi sistem) oleh PI Encik Loqman bin Azmi dari MdI Cawangan Kuantan, Pahang.

(a) Menyedari wujudnya kesamaran kerana kurang pengalaman, tenaga kerja, sumber sokongan dan ketidak seragaman prosedur serta garis panduan di peringkat cawangan dalam mengambil tindakan lawat periksa / siasatan ke premis yang melibatkan kes-kes penggulungan syarikat maka satu *ad hoc* analisis ringkas dilaksanakan terhadap keperluan satu senarai semakan untuk kegunaan warga kerja yang terlibat. Senarai semakan ini dirangkakan mengikut keperluan dan aktiviti-aktiviti utama (*minor/major)* tindakan awal, semasa dan selepas atau peringkat penghasilan / penyimpanan stor inventori / barang-barang rampasan. Oleh itu, Checklist Untuk Tindakan Lawat Periksa / Siasatan ini dicadangkan sebagai panduan altenatif kepada Bahagian Likuidasi di setiap cawangan yang tidak mempunyai pengalaman atau pengetahuan asas untuk mewujudkan keseragaman manual prosedur kerja dan sekaligus pemudah cara dalam mencapai *target* penghasilan yang ditetapkan dengan pengunaan sumber-sumber secara optima dan mengambil kira *Value for Money*

2. Database MdI Muar kebankrapan oleh Encik PI Idlen bin Ibus dari MdI Cawangan Muar, Johor.

(a) Sistem pangkalan data kebankrapan MdI Muar telah mula dibangunkan pada pertengahan tahun 2009. Idea pembangunan ini tercetus apabila cawangan sering mengalami masalah dalam penyediaan statistik serta laporan kerana tiada sistem rekod yang lengkap. Oleh itu, MdI Muar telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan sistem ini bagi meningkatkan kecekapan pengurusan fail dan kes kebankrapan. Sistem ini direka bagi menyimpan data-data utama setiap kes kebankrapan seperti butiran am bankrap dan tarikh satu-satu pentadbiran kes dilaksanakan.

3. Penggunaan satu Database kebankrapan MdI Taiping oleh Puan PI Mazakiah binti Mat Din, Puan PI Nurul Nadia binti Abdul Hadi dan Puan PI Rafidah binti Mat Assan @ Hashim dari MdI Cawangan Taiping, Perak.

(a) Produk ini menggunakan satu pangkalan data kebankrapan di mana segala maklumat penting berkenaan sesuatu fail kebankrapan dimasukkan di dalam sistem data tersebut. Data kebankrapan ini hanya menggunakan *Microsoft Excel* dan disimpan pada komputer yang terletak di dalam bilik fail. Setiap kakitangan boleh mengakses data tersebut dan mengemaskini data hanya melalui komputer masing-

masing dengan membina *shortcut* komputer bilik fail tersebut ke desktop sendiri.

4. *TwinSystem* MdI Sibu oleh Encik Mohadil bin Ahmad dari MdI Sibu, Sarawak.

(a) Dalam tahun 2002 cawangan telah memindahkan data-data kebankrapan, penggulungan syarikat, persatuan dan kesatuan sekerja dalam bentuk *soft copy Microsoft Office Excel worksheet*. Sistem pencarian fail cawangan telah berubah ke satu tahap hasil dari sistem indeks kebankrapan yang dicipta menggunakan *Microsoft Office Excel worksheet*. Sistem indeks kebankrapan ini banyak membantu mempercepatkan pencarian fail dan semakan kes di cawangan. Masa yang digunakan untuk membuat semakan kes hanya dalam 5 minit dan pencarian satu fail mengambil masa dalam 10 minit. Dalam tahun 2010 cawangan telah mencuba membuat satu sistem yang mengabungkan sistem carian fail & kes, rekod penerimaan surat, direktori jabatan & agensi, daftar R.O & A.O, daftar notis surat amaran, daftar Kebankrapan, daftar Likuidasi, rekod carian rasmi hartanah, rekod kaveat hartanah dan rekod pindah hakmilik hartanah yang dinamakan *TwinSystem* MdI Sibu menggunakan *Microsoft Acces* dan *Microsoft Office Excel worksheet* yang dapat diakses melalui *network sharing* ke setiap komputer pegawai MdI cawangan Sibu.